



PUISI MELAYU BERKUMANDANG DI NICARAGUA

Festival Puisi Antarabangsa Granada, Nicaragua merupakan acara tahunan yang diadakan mulai tahun 2005 bertujuan untuk memperkenalkan puisi negara itu ke seluruh dunia. Festival ini menghimpunkan penyair dari pelbagai negara dalam sebuah acara separa akademik yang penuh warna-warni, dan meriah. Pada setiap tahun, festival ini mengangkat beberapa orang penyair untuk diperkenalkan dan dikenang sumbangan mereka terhadap dunia seni ini. Penganjurannya yang ke-14 pada tahun 2018 ini mengangkat penyair kelahiran negara itu, Fernando Silva Espinosa (1927 - 2016) dan Roberto Sosa (1930 - 2011), penyair Honduras.

Menyahut semangat kepenyairan festival ini, Dr. Raja Rajeswari Seetha Raman, penyair kelahiran Kuala Kurau, Perak menjadi wakil Malaysia yang pertama menghadirinya. Penerima Ijazah Doktor Falsafah daripada Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dalam bidang Kesusasteraan Melayu ini pernah berkhidmat dalam lapangan pendidikan negara bermula sebagai guru Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil), Ampang, dan berakhir sebagai pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur sebelum bersara pilihan pada 1 Oktober 2016 selepas berkhidmat selama 32 tahun. Ikuti pengalaman beliau menghadiri acara berprestij ini, seterusnya pandangan beliau terhadap ranah kesusasteraan negara menerusi wawancara ini.

bagaimanakah Dr. boleh terlibat dalam dunia sastera, khususnya genre penulisan puisi?

Latar diri dan latar belakang keluarga memainkan peranan penting dalam kehidupan saya dalam dunia sastera khususnya genre puisi. Mendiang ayah saya seorang guru besar dan guru Matematik merupakan penyair yang dikenali dalam kalangan penulis kaum India yang berkarya dalam bahasa Tamil pada dekad 1960-an. Sejak kecil saya sering melihat ayah bertemankan buku dan mencatatkan sesuatu pada sehelai kertas kosong. Ketika berkarya, ayah akan memberikan saya buku bergambar agar saya tidak mengganggu proses kreatifnya. Lama-kelamaan, amalan membaca menjadi sebahagian daripada rutin harian saya. Buku menjadi sahabat yang menemani saya dalam suka dan duka sebagai anak tunggal saya tidak mempunyai adik-beradik untuk bermain pada waktu senggang. Oleh itu, buku mengambil alih peranan tersebut sebagai saudara kembar yang setia.

Kurikulum sekolah pada dekad 1960-an juga menyumbang kepada minat saya terhadap genre puisi. Bahan bacaan berunsur sastera diperkenalkan kepada murid semasa kami berada dalam Darjah 4 (ketika itu dikatakan Darjah dan kini Tahun). Semasa subjek Bahasa Inggeris, bahan bacaan berunsur sastera yang digelar *Readers* digunakan di bilik darjah. Begitu juga ketika mata pelajaran Bahasa Melayu, kami berpeluang membaca bahan sastera seperti pantun dan cerita rakyat yang menarik.

Corak pengajaran dan pembelajaran guru ketika itu yang mewajibkan setiap murid menceritakan sebuah cerita yang telah dibaca di hadapan kelas juga menerbitkan rasa ingin membaca secara giat dalam diri. Ketika itu penulisan saya lebih kepada catatan pengalaman dalam bentuk puisi dalam diari. Secara peribadi saya seorang individu yang meminati semua bentuk seni seperti seni

lukis, seni tulis, seni tari dan seni lakon. Puisi memiliki nilai estetika yang tinggi dan ini menyebabkan saya "jatuh cinta" akan puisi. Pada peringkat awal saya menghantar puisi dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris ke majalah sekolah.

Ketika menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM - Universiti Pertanian Malaysia ketika itu) saya mengambil kursus Pengalihan Bakat dan Karya Kreatif. Allahyarham Dharmawijaya, pensyarah saya mengenal pasti kekuatan saya dalam genre puisi. Pesanan Allahyarham agar saya kekal sebagai penulis puisi sebab kekuatan saya dalam pemilihan diksi puisi masih segar dan subur dalam minda. Seterusnya, latar diri, keluarga, kurikulum persekolahan serta motivasi dan inspirasi daripada guru yang menyuntik minat terhadap puisi.

Bagaimanakah Dr. memperoleh ilham untuk berkarya?

Ilham wujud secara semula jadi apabila ada peristiwa atau suasana yang menjentik perasaan. Lazimnya pengalaman diri, pengalaman ahli keluarga, pengalaman orang lain, pembacaan dan pemerhatian menawarkan ilham yang bukan sedikit untuk dituang ke dalam kertas kehidupan.

Adakah Dr. mempunyai rutin penulisan tertentu? Boleh kongsi?

Ya. Saya ada rutin penulisan tersendiri. Saban hari saya bangun pada pukul 4.00 pagi. Selepas bermeditasi (saya ahli kumpulan meditasi sejak tahun 2002) saya terus berkarya sehingga pukul 7.00 pagi. Suasana yang hening dan tenang pada waktu dinihari melancarkan proses kreativiti saya. Otak saya berfungsi pada tahap maksimum ketika itu. Saya dapat merasakan lantasan kata dan citra yang mengalir pada waktu dinihari sebagai kurnia. Hampir semua puisi yang menang hadiah dan anugerah lahir pada waktu dinihari.



Beberapa banyakkah karya Dr. yang sudah diterbitkan?

Saya tidak menyimpan rekod tetapi sehingga kini puisi yang terbit dalam majalah dan akhbar arus perdana, antologi tempatan dan antologi luar negara melebihi 300 buah.

Bagaimanakah Dr. mengetahui tentang festival puisi ini?

Saya mengetahui tentang festival puisi ini apabila menerima surat undangan secara rasmi daripada pihak penganjur pada pertengahan tahun 2017. Setulunya, itu ialah "kejutan" bagi diri saya sebab langsung tidak menyangka akan diundang untuk festival puisi yang berprestij di Nicaragua. Saya banyak menyumbang puisi untuk majalah dan antologi puisi yang diterbitkan di India, Dhaka dan Argentina atas permintaan sahabat penyair luar negara. Saya juga ahli Kongres Penyair Sedunia (*World Congress of Poet*) yang diusahakan oleh sahabat saya Toshie Tai yang bermastautin di Jepun. Agaknya mereka mengundang saya selepas membaca puisi saya dalam majalah dan antologi luar negara.

Apakah misi Dr. menghadiri festival ini?

Sebagai penyair dan penterjemah saya sedia maklum bahawa editor majalah, penyair dan penterjemah dari seluruh pelosok dunia akan menyertai festival puisi antarabangsa ini. Saya ingin berkenalan dengan mereka dan seterusnya berkolaborasi dengan mereka dalam bidang penterjemahan dan penulisan kreatif. Melalui kerjasama murni ini, saya dapat menentengahkan bahasa kebangsaan kita di kertas dan pentas antarabangsa.

Apakah persediaan Dr. untuk menghadiri festival puisi ini?

1 Persediaan puisi

Pihak penganjur meminta saya bersedia dengan lima buah puisi bertema bebas dalam bahasa Melayu dan bahasa Sepanyol. Menurut mereka, saya akan mendeklamasikan puisi tersebut di beberapa lokasi dan terjemahannya akan dideklamasikan oleh penyair dari Nicaragua.

Saya menghubungi sahabat saya Dr. Fazilah Husin dan beliau memperkenalkan saya kepada sahabatnya, Dr. Shahila Mansor, pensyarah bahasa Sepanyol di FBMK, UPM. Dr. Shahila meminta saya menyediakan puisi dalam bahasa Melayu dan terjemahannya dalam bahasa Inggeris agar beliau boleh memilih padanan diksi yang dekat dan tepat dalam bahasa Sepanyol. Penterjemahan dilakukan dengan kadar upah yang minimum.

2 Persediaan minda

Saya sedia maklum bahawa saya akan bertemu penyair tersohor dunia di Nicaragua sebab pihak penganjur telah mengirinkan pautan dan video Festival Puisi Antarabangsa Granada, Nicaragua ke- XIII melalui e-mel kepada saya. Dari pada tonon video itu ternyata festival puisi ini turut disertai oleh warga Nicaragua. Oleh itu, saya berazam untuk memberikan yang terbaik sama ada dari aspek seni deklamasi puisi mahupun dalam bidang penterjemahan sebab saya membawa nama Malaysia di pentas antarabangsa. Sebelum ke Nicaragua saya menghafaz beberapa perkataan asas dalam bahasa Sepanyol untuk memudahkan komunikasi. Persediaan minda juga membabitkan ketahanan mental yang tinggi sebab jarak geografi yang amat jauh dan perlu melalui tiga atau empat transit dalam penerbangan, selama 33 jam. Oleh hal yang demikian, sebelum ke Nicaragua saya menjaga pemakanan dan melakukan senaman

ringkas agar kesihatan saya berada pada tahap yang terbaik sebab "minda yang cerdas lahir daripada fizikal yang cergas".

3 Persediaan keluarga/kelengkapan/kewangan ke festival

Saya secara peribadi meminta suami menemani saya sebab destinasi jauh. Pihak penganjur bersetuju apabila saya memohon keizinan supaya suami menemani saya.

Dari segi kewangan, saya bersyukur sebab YAB Menteri Besar Perak Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry Abdul Kadir membiayai sebahagian besar kos perbelanjaan tiket penerbangan saya. Selebihnya dibayar oleh suami saya, yang merupakan mantan Timbalan Presiden Bahagian Audit CIMB Sdn. Bhd. Sokongan YAB Menteri Besar Perak kepada anak kelahiran negeri Perak dan sastera kebangsaan sewajarnya diteladani oleh menteri besar yang lain. Saya juga merakamkan penghargaan kepada Presiden NUMERA, YBhg. Sasterawan Negara Dato' Dr. Ahmad Khalal-Abdullah atau Kemala yang meraikan kemenangan saya dengan menganjurkan jamuan di Restoran Tupai-Tupai dan menyumbang sebanyak RM500 sebagai token penghargaan.

Apakah pengisian festival puisi ini?

Festival puisi ini bertangsun dari 11 - 17 Februari 2018. Pengisiannya rencam dengan pelbagai program yang bertangsun serentak (*parallel session*) seperti kolokium, persidangan, pelancaran buku penyair Nicaragua, diskusi kepentingan penterjemahan dalam bidang kesusasteraan, bengkel penterjemahan puisi, bengkel penulisan kreatif untuk kanak-kanak, bengkel penulisan kreatif untuk remaja, pameran lukisan, pameran buku, pameran kraf tangan, diskusi kepentingan puisi kepada remaja, bengkel penciptaan imej, pameran fotografi, pameran muzik dan lirik, konsert muzik, deklamasi puisi secara bebas dan deklamasi puisi di beberapa lokasi yang

telah ditetapkan oleh pihak penganjur seperti di sekolah, kolej, universiti, perpustakaan dan bandar utama seperti Granada, Managua, Leon, Masaya, Diriá, Diriomo dan Rivas.

Setiap penyair mendeklamasikan puisi mereka di tiga lokasi yang telah ditetapkan oleh penganjur. Ketika penyair mendeklamasikan puisi, semua peserta festival ini wajib menghidirinya. Puisi dipersembahkan dalam bahasa kebangsaan negara masing-masing, manakala penyair yang telah dilantik oleh pihak penganjur akan mempersembahkannya dalam bahasa Sepanyol.

Peserta juga boleh memilih sesi lain berdasarkan minat mereka. Saya merebut ruang dan peluang ini untuk menyertai bengkel penterjemahan puisi yang dikendalikan oleh penyair dan penterjemah tersohor, Katherine M. Heeden, yang merupakan profesor di Jabatan Bahasa Moden dan Kesusasteraan, Kolej Kenyon, Ohio, Amerika Syarikat.

Boleh Dr. ceritakan tentang Anugerah Alam Sekitar (Ekologi) yang Dr. terima ini?

Sejujurnya saya tidak tahu bahawa puisi yang dikirim akan dinilai oleh panel yang dilantik oleh pihak penganjur. Saya diminta untuk menyediakan lima buah puisi dalam bahasa kebangsaan dan terjemahannya dalam bahasa Sepanyol. Saya memilih tema universal, yakni tema alam sekitar. Saya mengadakan imej yang alam seperti langit, sungai, tanah, mentari, pantai, ombak dan angin dengan rona merah, hitam, putih, biru dan hijau untuk merakamkan kegelisahan dan kemurungan alam. Alam yang indah, megah dan gagah bertukar menjadi ganas dan panas apabila insan menderhaka kepada alam atas nama kemodenan. Mesej jini agaknya telah menambat hati para juri lalu saya dianugerahi Anugerah Ekologi yang disampaikan oleh Datuk Bander Rivas, Tuan Leonel Macayo Maliano. Hanya empat penyair yang menerima Anugerah Ekologi ini. Saya mewakili Malaysia dan penyair

Maria Daniela Russo dari Argentina, Olli Heikkonen (Finland) dan Jakub Ekier (Poland).

Kami berempuk dibawa ke Rivas San Jorge, sebuah taman tasik yang indah pemandangannya, dan diberikan penghormatan tertinggi dengan persembahan tarian kebangsaan yang menarik oleh siswa siswi universiti. Seterusnya, kami dijamu di resort mewah di Rivas sebelum dibawa melawat kawasan gunung berapi dan tasik. Puisi kami akan diterbitkan dalam majalah *Nicaraoalli* majalah alam sekitar yang dimulakan di Nicaragua sejak tahun 2002.

Adakah anugerah lain yang turut diberikan dalam festival puisi ini?

Tidak. Tiada anugerah lain selain Anugerah Ekologi.

Apakah perancangan dan tindakan Dr. selepas menerima anugerah ini?

Kami berempuk ditawarkan ruang dan peluang untuk terus menyumbang puisi bertemakan alam sekitar untuk majalah *Nicaraoalli* oleh Datuk Bandar dan editor majalah. Saya akan memanfaatkan peluang keemasan ini untuk terus menyumbang puisi bertemakan alam sekitar.

Seterusnya, saya bercadang untuk menerbitkan Kumpulan Puisi Tiga Bahasa (*Trilingual Poems*), yakni Bahasa Melayu - Bahasa Inggeris - Bahasa Sepanyol dengan tema universal supaya dapat menembusi pasaran antarabangsa. Selaku penterjemah, saya boleh menterjemahkan puisi saya dalam bahasa Inggeris dan Dr. Shahila sudah bersetuju untuk menterjemahkannya dalam bahasa Sepanyol.

Saya juga dilantik secara rasmi sebagai penterjemah majalah digital *POINT EDITION* di Sepanyol yang memiliki lebih daripada 10 000 pembaca di serata dunia. Editor dan panel majalah digital ini memilih sebuah puisi penyair tersohor dunia dalam bahasa Inggeris untuk ruangan "Puisi Minggu Ini" (*Poem of the Week*). Puisi tersebut diterjemahkan ke dalam bahasa Arab, Mandarin, Belanda,

Parsi, Perancis, Greek, Hebrew, Itali, Jepun, Kurdish, Macedonia, Polinia, Romania, Russia, Sicilia dan Sepanyol serta turut disiarkan dalam blog dan majalah antarabangsa di Jepun, Romania, Itali, Kurdish, Catalan, Belanda, Inggeris dan Sepanyol. Sehingga kini belum ada penterjemah untuk menterjemahkan puisi tersebut dalam bahasa Melayu. Selain itu, apabila editornya bertanya sama ada saya berminat untuk menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu, saya terus bersetuju tanpa berfikir panjang. Surat pelantikan rasmi telah diterima pada minggu pertama bulan Mac 2018. Tiga puisi telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan dikirim ke majalah digital *POINT EDITION*. Terlebih dahulu sebelum dikirim kepada editor saya akan paparkan puisi tersebut dalam akaun Facebook saya untuk bacaan peminat puisi. Sesiapa yang berminat membaca puisi tersebut sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa lain bolehlah membacanya di laman web <http://www.point-editions.com/new/en/>.

Apakah pandangan Dr. tentang festival puisi ini? Perlukah Malaysia menganjurkan festival yang sama? Perlukah penyair Malaysia menyertai festival ini pada masa akan datang?

Festival Puisi Antarabangsa Granada, Nicaragua merupakan festival puisi yang gilang-gemilang dan berprestij sebab disertai oleh 125 orang penyair dari 50 buah negara. Festival puisi ini diibayai sepenuhnya oleh pemimpin Nicaragua dan warga Nicaragua terlibat 100 peratus sama ada sebagai penganjur atau peserta. Malah, warga Nicaragua teruja menanti ketibaan bulan Februari saban tahun untuk turut serta dalam festival ini.

Malaysia wajar menganjurkan festival yang sama untuk mempertemukan penyair dari serata dunia dan mengantarabangsakan bahasa Melayu. Inilah landasan yang sesuai untuk mempromosikan dan menentengahkan

produksi seni Malaysia seperti seni tulis, seni lukis, seni tari, seni lakon, seni lagu dan warisan kebangsaan kepada penyair dunia.

Penyair Malaysia wajar menyertai Festival Puisi Antarabangsa Granada, Nicaragua meskipun destinasi sangat jauh dan perbelanjaannya agak mahal sebab inilah peluang keemasan untuk berkenalan dengan penyair, penterjemah dan editor majalah terkemuka dunia. Persahabatan dengan penyair dunia bukan sahaja meluaskan horizon pemikiran kita, malah menawarkan ruang untuk berkolaborasi dengan mereka dalam bidang penulisan kreatif, penterjemahan dan penerbitan. Rangkaian kenalan antarabangsa sangat penting untuk memasarkan nukilan kita di pentas dunia.

Apakah pandangan Dr. tentang karya generasi muda sekarang?

Karya generasi muda sekarang ada yang berkualiti dengan tema eksperimental dan memiliki nilai intelektual yang tinggi. Ada juga karya yang boleh dipertingkatkan lagi terutama dari segi teknik penceritaan dan gaya estetikanya. Penulisan merupakan suatu proses dan kematangan akan lahir dan hadir secara semula jadi melalui pembacaan, pengalaman dan penulisan yang konsisten. Ketabahan amat penting supaya penulis akhirnya dapat menikmati kemanisan dalam bidang ini.

Apakah pandangan Dr. tentang keterlibatan penulis bukan Melayu dalam dunia sastra Malaysia?

Penglibatan penulis bukan Melayu dalam dunia sastra Malaysia pada masa kini masih kurang dan tidak seimbang dari segi genre dan gender. Dalam kalangan penulis keturunan Tionghoa majoriti memilih genre puisi berbanding genre prosa. Seterusnya, dalam kalangan penulis kaum India senarionya berbeza. Majoriti gemar akan prosa berbanding puisi.

Penulis bukan Melayu yang menghasilkan penulisan deskriptif seperti

penulisan artikel, esei, makalah sastra dan kritikan sastra juga tidak banyak berbanding pada dekad 1960-an dan 1970-an. Dalam kalangan penterjemah sastra kreatif juga angka ini merudum berbanding pada era 1960-an dan 1970-an.

Penulis lelaki masih mendominasi bidang penulisan kreatif berbanding dengan penulis wanita dalam kalangan bukan Melayu. Adalah diharapkan agar lebih ramai penulis bukan Melayu turut serta agar sastra kebangsaan kita berwajah Malaysia.

Dr. pernah terlibat dalam dunia pendidikan dalam jangka masa yang agak lama. Bagaimana Dr. melihat sastra dalam konteks pendidikan sekarang?

Ya. Saya pernah bertugas sebagai pendidik selama 32 tahun sebelum bersara pilihan pada tahun 2016. Pada dekad 1980-an sastra masih mendapat tempat dalam kalangan pelajar dan siswa siswi sebab ketika itu bahasa Melayu masih mendominasi kurikulum kebangsaan dan kurangnya kolej dan universiti swasta ketika itu.

Senarionya berbeza sekarang sejak nisbah 60:40 diperkenalkan. Di sekolah, institut pendidikan guru dan universiti, kursus sastra berkurangan dan kelas sastra ditutup atas alasan tiada permintaan daripada pelajar untuk mempelajari sastra.

Sastra wajib diperkenalkan kepada murid seawal tadika seperti yang dilaksanakan di Amerika Syarikat, India, Bangladesh, Jepun dan Korea (sekadar beberapa contoh) sebab tanpa sastra terhakis nilai-nilai manusiawi dalam diri insan. Malahan, nilai-nilai murni dalam sastra membentuk keperibadian dan sahsiah yang mulia.

Ada pandangan yang mengatakan bahawa persatuan sastra tidak membantu seseorang penulis untuk lebih mengasah bakat dalam dunia penulisan, malah ada yang beranggapan persatuan sastra sudah tidak relevan. Apakah pandangan Dr.?

Ada banyak persatuan sastra kini dengan peranan dan fungsi yang berbeza. Sebagai contoh, Persatuan Sasterawan NUMERA Malaysia berfokus kepada pengantarabangsakan sastra dan sastra bandingan. PENA (Persatuan Penulis Nasional Malaysia) dan persatuan penulis yang lain masih menganjurkan bengkel penulisan kreatif dan deskriptif.

Persatuan Penulis hanya boleh membuka "jalan". Langkah seterusnya perlu dirintis oleh penulis itu sendiri.

Apakah andaian dan jangkaan Dr. terhadap masa hadapan dunia sastra? Apakah agaknya bentuk dan wajah sastra Malaysia pada masa hadapan?

Masa hadapan sastra kebangsaan amat memilukan sebab dasar bahasa kebangsaan kita tidak tekal dan kerap berubah-ubah. Implikasinya besar dalam konteks sastra kebangsaan.

Penulis generasi muda gemar menghasilkan sastra popular berbanding sastra serius. Sastra serius penting untuk kelestarian sastra kebangsaan.

Bilangan penulis bukan Melayu dalam sastra kebangsaan kian merudum dan kita perlukan pelapis dalam kalangan penulis bukan Melayu. Jika kelompangan ini tidak diisi, maka sastra kebangsaan tidak akan mencerminkan wajah Malaysia yang sebenar.

Apakah perancangan Dr. dalam aktiviti penulisan yang seterusnya?

Perancangan seterusnya untuk menerbitkan kumpulan puisi dwibahasa (*bilingual*) dan kumpulan puisi tiga bahasa (*trilingual*) agar pasaran buku puisi



lebih luas. Saya juga akan meneruskan penterjemahan puisi dalam bahasa kebangsaan untuk majalah digital *POINT EDITION* dan terus menyumbang puisi bertema alam sekitar untuk majalah *Nicaraoalli* dalam bahasa kebangsaan dan bahasa Sepanyol. Inilah perancangan susulan selepas menyertai Festival Puisi Antarabangsa Granada, Nicaragua.

Pada masa hadapan saya akan berkolaborasi dengan penyair luar negara dalam bidang penterjemahan puisi. Kami telah pun berbincang di Nicaragua tentang kerjasama dalam bidang penterjemahan. Saya akan menterjemahkan puisi mereka dalam bahasa Melayu dan mereka akan menterjemahkan puisi saya dalam bahasa Sepanyol atau bahasa Arab. Kolaborasi ini tidak melibatkan bayaran atau ganjaran sebab masing-masing menterjemahkan puisi secara sukarela.

Saya telah memulakan kritikan sastra untuk siswa siswi Jabatan Bahasa Tamil, Universiti Pendidikan Sultan Idris pada bulan Disember 2017 dengan kerjasama Bahagian Sastra Pelbagai Kaum, DBP. Saya ingin menggalak bakat mereka dalam kritikan dan penterjemahan sastra sebab bilangan pengkritik dan penterjemah sastra dalam kalangan bukan Melayu masih kurang.

Seterusnya, saya dan YBhg. Dato' Eswaran, sahabat saya, pemilik pusat tuisyen *ES Tutorial Ventures* sedang membangunkan pembelajaran Bahasa Melayu dalam talian untuk warga asing yang berminat untuk mempelajari bahasa Melayu di luar negara. Permintaan untuk mempelajari bahasa Melayu agak tinggi dalam kalangan profesional dan penulisi di negara India. Kami juga akan mengantarabangsakan bahasa kebangsaan di negara India dengan kerjasama DBP. Memorandum Persefahaman (MoU) telah pun ditandatangani antara DBP dengan *ES Tutorial Ventures* untuk memperkasakan bahasa kebangsaan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Itulah antara beberapa perancangan yang akan direalisasikan tahun ini. ■